

Tambahan dana bantu majukan usahawan

BH 28 MAR 2001

LANGKAWI, Selasa – Langkawi kerajaan menambah dana sebanyak RM250 juta untuk Tabung Usahawan Baru (NEF) kepada RM1.5 bilion bagi menangani kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat terhadap ekonomi negara, dapat menjayakan usaha membangunkan usahawan di negara ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, yang menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu dapat membantu membangunkan usahawan.

“Sebab di segi budaya berniaga, ia bukan masa-

lah tetapi soal modal menyebabkan usaha usahawan untuk berjaya dalam perniagaan, kadangkala terbantut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyerahkan lesen kereta sewa kepada 30 individu yang berjaya dalam permohonan mereka di Auditorium Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), di sini, hari ini.

Turut hadir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian merangkap Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib.

Selain mengumumkan tambahan dana NEF itu, Perdana Menteri pada sidang akhbar di Parlimen,

hari ini, turut mengumumkan sebuah Tabung Pemulihan dan Pembangunan Usahawan dengan jumlah RM500 juta akan diperkenalkan.

Ditanya sama ada kementerian ada menggariskan strategi baru berkaitan penamhahan dana itu, Mohamed Nazri berkata, setiap kali ada tambahan dana, kementerian sudah bersedia menguruskannya.

“Kita bersedia menerima tambahan dana tidak kira berapa jumlahnya. Sememangnya kita sentiasa minta ia ditambah. Jadi, ia tidak akan jadi masalah,” katanya.

Mengenai program uta-

ma kementerian, beliau berkata, dengan dana tambahan itu, ia akan digunakan untuk membantu usahawan yang memerlukan pinjaman bagi memastikan kejayaan mereka dalam perniagaan.

Mengenai peluang usahawan yang terbabit dalam sektor pelancongan di Langkawi menerima bantuan daripada tabung berkenaan, Mohamed Nazri berkata, permohonan dari Langkawi diberi sedikit keutamaan.

“Sememangnya kita beri pertimbangan yang berbeza sedikit berbanding kawasan lain kerana ia adalah satu kawasan pelancongan,” katanya.